

Dr Mahathir harumkan nama Malaysia di dunia

DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD
Perdana Menteri dan Presiden Umno
Umur: 62 tahun.
Taraf Perkahwinan: Berkahwin.

SEORANG doktor perubatan yang berjaya dalam kerjaya politik hingga mengharumkan nama Malaysia di peringkat antarabangsa. Pemimpin yang pernah dianggap sebagai Malay ultra (pelampau Melayu) ini sensitif terhadap kehidupan masyarakat Melayu yang serba terkebelakang, terutama di bidang ekonomi. Kesedarannya itulah menyebabkan beliau menyertai bidang politik.

Citanya-citanya ialah memperjuangkan nasib kaum Bumiputera di samping meninggikan syiar Islam di negara ini. Begitu juga dengan hasratnya untuk meninggikan imej Malaysia di kalangan negara luar.

Beliau dilahirkan di Kilang Ais, Seberang Perak, Alor Star pada 20 Disember 1925, Kedah. Mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Seberang Perak dan kemudian Maktab Sultan Abdul Hamid, Alor Setar sehingga lulus Senior Cambridge. Kemudian meneruskan pengajian di Kolej Perubatan King Edward VII, Universiti Malaya, Singapura.

Setelah lulus dengan ijazah MBBS pada 1953, beliau menjalani latihan di Hospital Besar Pulau Pinang. Setahun kemudian, beliau dilantik sebagai pegawai perubatan dan berkhidmat di beberapa negeri antaranya, di Hospital Besar Alor Star, Langkawi dan Perlis.

Dalam memenuhi cita-citanya sebagai tokoh politik, ternyata ia bukan sesuatu yang mudah. Beliau mengambil masa yang begitu panjang sebelum

Oleh ZAINI ZAINUDDIN

mencapai kedudukannya yang tinggi dalam pentadbiran negara dan parti.

Beliau diterima menjadi calon Parlimen kawasan Kota Star hanya selepas 18 tahun menjadi ahli. Beliau dilantik sebagai Menteri Pelajaran selepas 28 tahun dalam parti, sebagai Timbalan Perdana Menteri selepas 34 tahun seterusnya jawatan Perdana Menteri.

Dalam kerjaya politiknya, beliau menempuh pelbagai liku dan cabaran. Beliau pernah tewas dalam pilihanraya dan disingkir daripada Umno, kemudian diterima semula.

Datuk Seri Dr Mahathir mulai cergas dalam politik sekitar tahun 1945, berikutan penyertaannya dalam pelbagai pertubuhan termasuk Kesatuan Melayu Kedah dan Kesatuan Pemuda Melayu Kedah. Apabila Umno ditubuhkan setahun kemudian, beliau yang berusia 21 tahun ketika itu terus mendaftar sebagai ahli.

Buka klinik

Pada 1957, beliau menamatkan perkhidmatannya sebagai kakitangan kerajaan dan membuka klinik swasta, Klinik MAHA di Pekan Melayu, Alor Star. Di samping mengendalikan kliniknya, beliau aktif menulis dalam akhbar-akhbar tempatan menyuarakan pandangannya dan memperjuangkan hak orang Melayu. Buku beliau, Malay Dilemma adalah antara beberapa karyanya yang termasyhur.

Beliau menjadi Ahli Parlimen Kawasan Kota Star Selatan setelah menang dalam pilihanraya umum 1964. Bagaimanapun nasibnya kurang baik dalam pilihanraya umum berikutnya (1969) apabila dikalahkan oleh Presiden Pas, Haji Yusof Rawa, di kawasan yang sama. Pada tahun yang sama juga beliau disingkir daripada Umno, kerana mengkritik secara terbuka kepemimpinan Tunku Abdul Rahman berikutan tragedi 13 Mei 1969 pada 27 September, 1969. Datuk Seri Dr Mahathir diterima semula menyertai Umno pada 7 Mac

1972.

Pada 1973, beliau dilantik sebagai Senator. Tidak lama kemudian beliau meletak jawatan dan bertanding dalam pilihanraya umum 1974 di kawasan Kubang Pasu. Beliau menang tanpa bertanding. Dengan kemenangan itu, Datuk Seri Dr Mahathir terus maju dalam kerjaya politiknya. Beliau dilantik sebagai Menteri Pelajaran, jawatan yang dianggap terpenting, dalam kabinet Allahyarham Tun Abdul Razak.

Dalam parti pula, beliau seorang daripada tiga Naib Presiden Umno yang dipilih oleh perwakilan dalam perhimpunan 1975. Tahun berikutnya, Perdana Menteri Tun Hussein Onn melantik Datuk Seri Dr Mahathir sebagai timbalannya.

Beliau bertukar kementerian daripada Pelajaran kepada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, berikutan rombakan kabinet pada Januari 1978. Sebagai Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Datuk Seri Dr Mahathir telah mengetuai beberapa rombongan penggalakan pelaburan ke Eropah, Amerika Syarikat, Britain dan Jepun. Pada Ogos 1979, beliau mencatat sejarah dalam dunia pelaburan negara apabila rombongan penggalakan pelaburan terbesar ke Eropah yang diketuainya membawa hasil cemerlang.

Datuk Seri Dr Mahathir berjaya mengekalkan kedudukannya di kawasan Parlimen Kubang Padu dalam pilihanraya 1978, mengalahkan Halim Arshat daripada Pas.

Di perhimpunan agung Umno beberapa bulan kemudian, beliau dilantik sebulat suara sebagai Timbalan Presiden memandangkan jawatannya sebagai Timbalan Perdana Menteri. Apabila Tun Hussein Onn mengundurkan diri sebagai Perdana Menteri dan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir mengambil alih jawatan berkenaan pada 16 Julai 1981.

Beliau membawa pelbagai pembaharuan dalam pentadbiran kerajaan untuk meningkatkan mutu kerja kakitangan awam serta mewujudkan rakyat Malaysia yang bermaruah. Be-

liau memperkenalkan slogan Bersih, Cekap dan Amanah, penggunaan sistem kad perakam waktu, konsep bandar hijau dan sebagainya.

Menerusi pentadbirannya juga, beliau melaksanakan pelbagai projek besar, yang sebahagiannya tergendala ketika zaman pentadbiran Perdana Menteri-Perdana Menteri sebelumnya. Antara projek itu ialah kereta nasional Proton Saga dan Jambatan Pulau Pinang.

Beliau adalah ayah kepada tiga anak lelaki dan dua anak perempuan, hasil perkahwinannya dengan Datin Seri Dr Siti Hasmah Ali.

Kegiatan

Sebagai seorang pemimpin, Datuk Seri Dr Mahathir pernah terbabit dalam pelbagai kegiatan. Pada 1973, beliau dilantik sebagai Pengerusi FIMA Sdn Bhd. Beliau juga pernah menyertai rombongan Malaysia ke persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu pada 1965, kemudian menghadiri Seminar Kebudayaan Antarabangsa Harvard pada 1967 dan Pengerusi Majlis Pengajian Tinggi yang pertama pada 1968.

Seterusnya pada 1972, beliau dilantik sebagai wakil Majlis Penasihat Pengajian Tinggi, ahli Mahkamah Universiti dan Majlis Universiti Malaya. Pada April 1974 pula, beliau dilantik Pengerusi Majlis Universiti Kebangsaan Malaysia.

Datuk Seri Dr Mahathir juga menjadi Pengerusi Persatuan anti-TB, Presiden Dewan Perniagaan Melayu Kedah dan Pengerusi Majlis Kebajikan Kanak-Kanak cawangan Kedah sejak 1971.

Dalam suasana pergolakan politik yang sungguh mencabar, Barisan Nasional (BN) menang kerusi yang terbesar pernah diperolehinya dalam pilihanraya umum 1986. Beliau sendiri mempertahankan kerusinya, mengalahkan Dr Azizan Haji Ismail (Pas) di kawasan Parlimen Kubang Pasu, dengan kelebihan undi 15,298.